

Tarikh Dibaca: 7 Jun 2024M | 29 Zulkaedah 1445H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“PERPADUAN DALAM
KEPELBAGAIAN”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ ﴿٩٢﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan

¹ Al-Anbiya': 92

² Ali-Imran: 102



berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

Pada hari yang mulia ini bersempena Program Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Selangor, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: " **PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN** ".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Perpaduan umat khususnya dalam kalangan umat Islam adalah kesatuan yang bersifat rabbani kerananya ianya bersumberkan panduan Ilahi. Asas, konsep dan panduan kepada perpaduan umat Islam dinyatakan di dalam banyak ayat al-Quran dan hadis antaranya firman Allah SWT yang dibacakan pada awal khutbah ini bermaksud:

"Sesungguhnya agama Islam inilah agama kamu, agama yang satu atas pokoknya, dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah akan Daku."

Ayat 92 daripada Surah al-Anbiya' ini menggambarkan bahawa masyarakat Islam adalah umat yang satu berasaskan agama yang satu. Asas pokoknya iaitu keyakinan, ketundukan dan penyerahan kepada Allah SWT Yang Satu, ketaatan kepada Nabi Muhammad SAW Rasul yang satu dan kepatuhan kepada ajaran bersumberkan syariat yang satu. Inilah agama Islam iaitu agama yang sangat menitik beratkan kesatuan berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan Qudwah Hasanah.

Perpaduan dalam kalangan umat Islam bukan sekadar suatu keperluan yang bersifat luaran, tetapi ikatan persaudaraan atau ukhuwah Islamiyah yang dijalin dengan iman dan Islam. Ikatan ukhuwah ini dijalin merentas batasan dan sempadan negara ibarat peribahasa "*cubit peha kanan, peha kiri akan terasa*".



Hadis daripada al-Nu'man bin Bashir Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِمِهِمْ وَتَوَادِّهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ كَمَثَلِ
الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى عُضْوًا تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهْرِ
وَالْحُمَّى

“Engkau akan melihat (keadaan) orang-orang mukmin itu saling kasih mengasihi, cinta mencintai dan saling tolong menolong bagaikan satu jasad. Apabila ada satu anggota tubuh sakit nescaya seluruh anggota yang lain akan turut tidak dapat tidur (terjaga) dan merasa demam.”

(Riwayat al-Bukhari).

Keutuhan hubungan anggota masyarakat yang saling berkasih sayang serta tolong menolong dapat dilihat dalam kalangan para sahabat. Al-Baghawi telah menjelaskan maksud ayat 29 surah al-Fath bahawa orang-orang yang bersama Rasulullah SAW itu bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama mereka dengan mengatakan: *“Mereka bersimpati dan saling menyayangi antara satu sama lain bagaikan seorang anak terhadap bapanya.”*. Manakala perkataan *بَيْنَهُمْ* atau 'di kalangan mereka' dalam ayat tersebut menjelaskan bahawa sifat belas kasihan dalam kalangan umat Islam bagaikan identiti terhadap masyarakat ini.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,



Malaysia adalah sebuah negara yang sangat unik kerana walaupun dihuni penduduk pelbagai agama, bangsa dan etnik. Islam adalah agama bagi Persekutuan namun penduduk Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan dan kepercayaan bebas mengamalkan kepercayaan masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan nasional yang kukuh antara kaum dan pembentukan identiti bangsa Malaysia.

Islam sebagai cara hidup yang syumul menyediakan pedoman lengkap berkaitan hukum-hakam, undang-undang, peradaban dan tatasusila kehidupan umat Islam bersama masyarakat bukan Islam. Dasar-dasar tetap digariskan merangkumi prinsip toleransi, keadilan, kebajikan dan belas ihsan sesama warga negara Islam dan bukan Islam. Prinsip utama melayani semuanya secara sama rata melainkan atas beberapa aspek sahaja. Bahkan Nabi SAW menegaskan sebagaimana riwayat daripada Safwan bin Sulaim Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا مَنْ ظَلَمَ مُعَاهِدًا، أَوْ انْتَقَصَهُ، أَوْ كَلَّفَهُ فَوْقَ طَاقَتِهِ، أَوْ أَخَذَ مِنْهُ شَيْئًا بِغَيْرِ طِيبِ نَفْسٍ، فَأَنَا حَاجِبُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

"Ketahuilah sesiapa yang menganiaya seseorang bukan Islam (kafir) yang membuat perjanjian, mengurangkannya atau membebaninya di luar kemampuannya atau dia mengambil sesuatu daripadanya tanpa kerelaannya maka aku akan menjadi pembelanya kelak pada hari Kiamat."

(Riwayat Abu Daud).



Muslimin yang Berbahagia,

Islam secara umumnya memandu manusia dalam kehidupan. Perpandukan kepada ajaran agama. Manusia dapat mengetahui yang mana benar dan mana yang salah. Dengan agama, manusia dapat hidup dalam keadaan harmoni, tenteram dan berdisiplin. Islam mengandungi prinsip-prinsip yang tetap lagi tegas seperti yang terdapat dalam surah al-Kafirun ayat 6:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ﴿٦﴾

"bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku"

Disamping itu, terdapat prinsip-prinsip Islam yang bersifat sejagat seperti bertolongan dalam perkara kebajikan dan kebaktian, mengutamakan adab mulia, mengutamakan kemanusiaan, berlaku adil dan berbuat kebaikan.

Sepertimana ditegaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Nahl ayat 90:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

"Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman.



Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya."

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa manusia itu dilahirkan dari pelbagai latar belakang untuk saling kenal mengenali serta saling lengkap melengkapi.
2. Umat Islam hendaklah bertanggungjawab memastikan perpaduan, keharmonian dan kestabilan negara terus kukuh berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang sebenar.
3. Umat Islam hendaklah berjemaah dalam melaksanakan ibadah kepada Allah SWT agar dapat melahirkan perpaduan dan persepakatan berlandaskan Islam dan Iman yang satu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ^ص وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ
عَنْ سَبِيلِهِ^ع ذَٰلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ^ه لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

"Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam) kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa"

(Al-An'am: 153)



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ،
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا
اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُؤَيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج، فِي
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah,



hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

﴿٧٤﴾

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.